

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI
[SIBUTI]**

TARIKH : 14 DISEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah usaha pihak Kementerian untuk menyediakan kemudahan ‘*drag track*’ kepada peminat sukan permotoran di Borneo dan apakah usaha merealisasikan cadangan tersebut.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Mohon kebenaran untuk saya menjawab soalan nombor 13 bagi pihak **Menteri Belia dan Sukan.**

Buat masa ini Kementerian Belia dan Sukan tiada perancangan khusus untuk menyediakan kemudahan ‘*drag track*’ kepada peminat sukan permotoran di Borneo. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian sedang mengkaji dan meneliti semua projek naik taraf dan pembinaan baru kemudahan sukan di setiap negeri. Hal ini penting dalam memastikan semua kemudahan atau fasiliti yang akan dibina dan dinaik taraf dapat memberi manfaat berganda kepada masyarakat dalam usaha berterusan Kementerian untuk menjadikan sukan sebagai amalan gaya hidup aktif dan cergas.

Pihak Kementerian mengalu-alukan agar Yang Berhormat mengangkat cadangan pembinaan *drag track* ini kepada pihak Kementerian untuk diteliti dan dipertimbangkan di bawah pelan

SOALAN NO : 13

pembangunan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12). Namun begitu, ia tertakluk kepada kelulusan pihak Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM). Keperluan membina *drag track* ini juga akan turut diperhalusi Kementerian dengan kerjasama Persatuan Sukan Bermotor Malaysia (MAM) selaku badan induk kawal selia perlumbaan.

Dalam menyokong minat dan kecenderungan peminat sukan permotoran di Borneo, pihak Kementerian telah menyalurkan dana bantuan pelaksanaan program kepada persatuan dan kelab sukan bermotor. Ia bertujuan untuk merancakkan semula aktiviti sukan permotoran dalam kalangan anak muda. Antara litar yang sering dijadikan aktiviti perlumbaan drag adalah di Litar Lapangan Terbang lama Mukah, STC Sandakan Sabah.

Sekian, terima kasih.